

U 8309 BAH

MAHATHIR - SABAH

OLEH ZAKARIA ABDUL WAHAB

I

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 O G O S (BERNAMA)-- MALAYSIA DAN FILIPINA BERSETUJU BEKERJASAMA BAGI MENYELESAIKAN TUNTUTAN NEGARA ITU KE ATAS SABAH, YANG TELAH MENJEJASKAN HUBUNGAN BAIK KEDUA-DUA NEGARA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BERUNDING DENGAN PRESIDEN CORAZON AQUINO DI SINI HARI INI DAN MEREKA BERSETUJU MENKAJI TERUS PERKARA ITU.

+KAMI BERJANJI AKAN BEKERJASAMA MENYELESAIKAN MASALAH ITU,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR KEPADA PEMBERITA SELEPAS BERUNDING DENGAN PRESIDEN AQUINO DI RUMAH TETAMU GERUDONG DI SINI.

MEREKA BERADA DI SINI BAGI MENGHADIRI MAJLIS BERKHATAN PUTERA SULUNG SULTAN BRUNEI, PENGIRAN MUDA AL-MUTADEE BILLAH, 151 DI ISTANA NURUL IMAN MALAM TADI. PRESIDEN SUHARTO DARI INDONESIA, PERDANA MENTERI SINGAPURA LEE KUAN YEW DAN PERDANA MENTERI THAI JENERAL TUN CHATCHAI CHOONHAVAN JUGA MENGHADIRI MAJLIS ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MEREKA HANYA BERJANJI BEKERJASAMA MENYELESAIKAN ISU SABAH DAN TIDAK DISEBUT CARA TERTENTU BAGI MENYELESAIKANNYA.

MASALAH SABAH MERUPAKAN ISU LAMA DAN SENSITIF ANTARA KEDUA-DUA ANGGOTA ASEAN ITU, DAN IA WUJUD LAMA SEBELUM PUAN AQUINO BERKUASA PADA TAHUN 1986.

-- LAGI

1656MST 03 08 89

D317

U 8310 BAH

MAHATHIR - SABAH 2 BANDAR SERI BEGAWAN

KETIKA DITANYA SAMA ADA PEMIMPIN FILIPINA ITU MEMBERI SYARAT BAGI NEGARA ITU MENGGUGURKAN TUNTUTANNYA KE ATAS SABAH, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, +TIDAK, KAMI TIDAK BERKATA APA-APA, HANYA KAMI AKAN BEKERJASAMA DALAM PERKARA INI.+

BELIAU JUGA BERKATA TIDAK TERDAPAT RANCANGAN SEGERA BAGI BELIAU BERTEMU LAGI PRESIDEN AQUINO UNTUK MEMBINCANGKAN ISU ITU.

PRESIDEN AQUINO TELAH MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG BAGI MENGGUGURKAN TUNTUTAN ITU, YANG DILULUSKAN OLEH DEWAN PERWAKILAN FILIPINA TETAPI DIHALANG OLEH SENAT.

MENGENAI PERKEMBANGAN DI PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI KAMPUCHEA DI PARIS, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, +KAMI (ASEAN) AGAK KECEWA DENGAN KEPUTUSANNYA TETAPI KAMI BERSIKAP REALISTIK,+

BAGAIMANAPUN, KATANYA, ASEAN AKAN TERUS MEMPERJUANGKAN ISU ITU WALAUPUN IA TIDAK BOLEH DISELESAIKAN DALAM SEKELIP MATA.

+SEBELUM PUAH-PUAH (YANG BERTELAGAH) DAPAT BERSATU (SELEPAS PENGUNDURAN TENTERA VIETNAM), MESTI TERDAPAT PEMBABITAN ANTARABANGSA BAGI MENENTUKAN KERAJAAN (KAMPUCHEA) YANG AKAN DITUBUHKAN BERSIKAP ADIL KEPADA SEMUA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERTEMU DENGAN PEMIMPIN ASEAN YANG LAIN, SELAIN DARIPADA PUAN AQUINO. -- BERNAMA

1658MST 03 08 89